Berdasarkan data sedia ada, sektor luaran iaitu prestasi perdagangan antarabangsa masih lagi mencatatkan pertumbuhan positif. Eksport dan import bertumbuh pada kadar 5.5 peratus serta 6.9 peratus bagi lima bulan pertama tahun ini berbanding 4.4 peratus dan 13 peratus yang dicatatkan pada tempoh sama tahun lalu.

Berikutan pertumbuhan import yang tinggi, jumlah lebihan imbangan dagangan merosot kepada RM46.9 bilion berbanding RM51.8 bilion pada tahun lalu. Pertumbuhan dalam Indeks Pengeluaran Industri (IPI) pula memperlahan kepada 2.4 peratus bagi tempoh empat bulan pertama 2025 berbanding 3.6 peratus pada tempoh sama tahun lalu.

Prestasi itu didorong oleh penguncupan dalam sub indeks industri perlombongan dan elektrik, masing-masing mencatatkan pertumbuhan negatif 4.0 peratus serta 1.7 peratus. Bagaimanapun, sub indeks industri pembuatan dilihat meningkat 4.5 peratus berbanding pertumbuhan 2.8 peratus pada tahun lalu.

Angka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pula dilihat terus memperlahan kepada 4.4 peratus pada suku pertama 2025 berbanding 4.9 peratus pada suku keempat 2024. Justeru, apa yang boleh disimpulkan adalah perkembangan ekonomi pada separuh tahun pertama telah mula menunjukkan tanda-tanda momentum pertumbuhan yang memperlahan.

Pada separuh tahun kedua 2025, pelbagai perkara yang akan menjadi perhatian bagi pelabur, peniaga dan masyarakat umum. Pertama, tarif timbal balik yang dikenakan oleh Amerika Syarikat (AS) pada 2 April yang lalu, dengan tempoh bertenang 90 hari telah dilaksanakan pada 9 April.

Tempoh itu dijangka berakhir pada 9 Julai ini. Selain itu, pelaksanaan dasar seperti pengembangan skop Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan serta kadar tarif elektrik yang baharu bermula pada 1 Julai nanti. Pelaksanaan rasionalisasi subsidi bahan api RON95 juga bakal dilaksanakan pada separuh tahun kedua 2025, bertujuan bagi memastikan hanya golongan layak akan menerima subsidi secara bersasar.

Di samping itu, caruman pekerja asing dan juga majikan yang berkaitan sebanyak dua peratus ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan dilaksanakan pada Oktober nanti.

Sekilas pandang, momentum pertumbuhan ekonomi pada separuh tahun kedua 2025 bakal menjadi lebih perlahan berikutan ketidakpastian ekonomi semakin meningkat terutama dari segi dasar ekonomi Presiden AS dan juga faktor geopolitik yang kian tidak menentu.

Perkara itu bakal menaikkan kos perniagaan disebabkan kekacauan geopolitik di Asia Barat bakal memberi impak terhadap laluan maritim yang merupakan jalan pengangkutan utama bagi perdagangan antarabangsa.

Semua itu akan memberi impak kepada sentimen perniagaan dan pengguna yang akan menyebabkan mereka akan lebih berhati-hati dalam perbelanjaan.

Justeru, dasar monetari yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bakal memainkan peranan utama sebagai benteng pertahanan yang pertama atau *First Line of Defence* bagi memastikan pertumbuhan ekonomi akan terus stabil.

Sehubungan itu, mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari atau MPC akan menjadi perhatian utama apabila ahli-ahli MPC akan bermesyuarat pada 9 Julai nanti.

Sudah ramai penganalisis ekonomi menjangkakan kadar dasar semalaman atau OPR bakal diturunkan sebanyak 25 mata asas daripada tiga peratus kepada 2.75 peratus.

Oleh itu, orang ramai disarankan untuk cakna perkembangan ekonomi semasa supaya dapat membuat keputusan kewangan secara berhemah dan bijak.

**Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid ialah Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Berhad*

SINAR HARIAN
Tarikh: 30 JUN 2025

KOSMO DBKL 30/6

# Huru-hara jika tiada penguat kuasa PBT



**Analisis Semasa**

Bersama **LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR**

**PENGUAT KUASA** pihak berkuasa tempatan (PBT) boleh dikatakan kerap diberi liputan oleh media arus perdana atau media alternatif, ada sahaja berita berkenaan mereka.

Biarpun ada berita yang baik bagi imej penguat kuasa PBT, berita-berita yang 'menyakitkan' hati segelintir masyarakatlah yang akan 'meletup' di media sosial.

Sebagai contoh, isu 'abang belon' yang melibatkan penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), insiden 'pakcik petai' membabitkan Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) serta isu pelupusan anjing jalanan oleh Majlis Perbandaran Manjung (MPM).

Semua isu yang mendapat liputan tanpa penjelasan terperinci, menyebabkan penguat kuasa PBT dihina.

Selepas suatu isu itu diberi penerangan jelas oleh PBT atau pihak berkaitan, baharulah amarah orang ramai reda.

Pengarah Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan MPM, Mohamad Sharil Salihan berkata, penguatkuasaan adalah antara bahagian penting dalam PBT yang bertanggungjawab memastikan undang-undang kecil dan peraturan tempatan dipatuhi oleh orang awam, peniaga, serta pemilik premis.

Katanya, bidang utama bahagian penguatkuasaan PBT merangkumi pelbagai aspek, antaranya penguatkuasaan undang-undang kecil (UUK).

"Bahagian penguatkuasaan PBT menjalankan operasi sitaan, kompaun dan pemeriksaan terhadap pelanggaran UUK seperti penjajaan tanpa permit, buang sampah haram, binaan tanpa kebenaran dan sebagainya.

"Selain itu, bahagian ini juga memastikan peniaga memiliki permit sah tidak kira tetap atau sementara. Tindakan sita barang perniagaan jika berniaga di kawasan larangan atau tanpa kelulusan akan diambil terhadap mereka yang melanggar syarat ini," katanya.

Ujar, tugas penguat kuasa PBT juga bagi memastikan kebersihan kawasan umum serta terhadap alam sekitar.

"Ia melibatkan kesalahan seperti pembuangan sampah haram, longkang tersumbat akibat pembuangan sisa, pembakaran terbuka dan pencemaran bau," katanya.

Antara lain, beliau berkata, adalah pemantauan parkir berbayar, kesalahan meletak kenderaan di tempat larangan dan penggunaan parkir khas tanpa kebenaran.

"Menyita atau meroboh struktur haram yang dibina tanpa kelulusan, termasuk bangunan tambahan di premis kediaman atau perniagaan, menurunkan iklan, banner, bunting atau papan tanda yang dipasang tanpa permit sah.

"Tindakan juga diambil terhadap pemilik haiwan yang tidak mengawal ternakan, anjing berkeliaran atau ternakan yang menyebabkan gangguan," katanya.

Katanya, penguat kuasa PBT juga menyokong operasi seperti polis, Agensi Antidadah Kebangsaan, imigresen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup atau pejabat kesihatan dalam operasi bersepadu.

Berdasarkan skop tugasan bahagian penguat kuasa PBT berkenaan, adalah jelas mereka berperanan besar dalam memastikan undang-undang tempatan dipatuhi.

Adalah tidak adil jika ada pihak terus menuding jari terhadap penguat kuasa PBT dan mengatakan mereka hanya wujud untuk menyusahkan 'rakyat marhaen'.

Hakikatnya, huru-haralah suatu kawasan berkenaan sekiranya bahagian penguatkuasaan PBT tidak memainkan peranan mereka sebagai penegak undang-undang tempatan.

KOSMO
30 JUN 2025
Tarikh: ........................

# Generasi muda Cina disaran masuk tentera

KOSMO 30/6

**PETALING JAYA** – Persatuan Veteran Tentera Malaysia Kaum Cina (MACVA) menyeru lebih ramai kaum itu menyertai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang menawarkan pelbagai peluang.

Presidennya, Leftenan Kolonel (B) Wong Ah Jit berkata, generasi masyarakat Cina terdahulu juga pernah berkhidmat dan mempertahankan negara.

"Kerjaya tentera bukanlah laluan mudah tetapi ia membina sahsiah, menyemai disiplin, membangunkan kepimpinan dan yang paling penting memberi peluang kepada golongan muda untuk terbabit secara langsung dalam pembangunan negara dan memikul tanggungjawab melindungi rakyat.

"Generasi kini sewajarnya meneruskan tradisi ini dan memastikan komuniti Cina terus mempunyai suara, kehadiran dan sumbangan dalam angkatan tentera," katanya dalam satu kenyataan semalam.

MACVA turut menyeru keluarga Cina dan pertubuhan komuniti di seluruh negara untuk menyokong golongan muda mereka meneroka laluan perkhidmatan tentera, dan menggalakkan mereka menyarung uniform dengan bangga serta membina kerjaya bermakna dalam pertahanan negara.

> "Ini negara kita, tanah kita dan pertahanan negara tidak seharusnya tanpa kehadiran dan sumbangan komuniti Cina."

"Ini negara kita, tanah kita dan pertahanan negara tidak seharusnya tanpa kehadiran dan sumbangan komuniti Cina.

"Menyertai tentera tidak bermakna melepaskan impian. Ia bermakna memilih laluan yang berbeza dengan cabaran yang lebih besar," jelasnya.

KOSMO
30 JUN 2025
Tarikh: ........................

# ACCCIM cadang peluasan skop SST ditangguh ke Januari tahun depan

HM 30/6

**Kuala Lumpur:** Kerajaan digesa untuk menangguhkan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang diperluaskan, daripada 1 Julai 2025 kepada Januari 2026 untuk memberikan lebih banyak masa persediaan berikutan beberapa aspek yang masih memerlukan penjelasan, kata Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM).

Walaupun "menyambut baik namun berhati-hati" pengumuman kerajaan pada Khamis mengenai semakan pelaksanaan SST yang diperluas, ACCCIM turut menggesa kerajaan untuk mengurangkan peluasan SST kepada kadar lebih rendah sebanyak empat peratus dalam tempoh dua tahun pertama (2026–2027) bagi meringankan beban cukai terhadap perniagaan dan pengguna.

Katanya peluasan SST dikenakan kepada perkhidmatan tambahan (pusat kesihatan, kewangan dan penjagaan kesihatan) dan tiga perkhidmatan baharu (penyewaan atau pajakan, kerja-kerja pembinaan dan pendidikan).

"Persediaan mencukupi adalah penting untuk memastikan pematuhan yang lebih baik dan pelaksanaan yang lancar," katanya sambil berkongsi kebimbangan mengenai pelbagai kenaikan kos yang seiring keadaan ekonomi global dan domestik yang mencabar serta ketidaktentuan dasar tarif perdagangan dan konflik berterusan di Timur Tengah.

"Kesan kenaikan kos yang telah dirasai pada 2025, dijangka berterusan atau mempengaruhi landskap perniagaan dan ekonomi pada 2026," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, ACCCIM menggesa kerajaan untuk menaikkan ambang pendaftaran Cukai Perkhidmatan ke atas pajakan atau penyewaan serta perkhidmatan pembinaan kepada RM3 juta daripada RM1 juta.

Ia turut menyarankan kerajaan untuk menaikkan ambang pengecualian cukai bagi penyewa perusahaan kecil dan sederhana kepada RM2 juta dalam jualan tahunan daripada RM1 juta yang diumumkan pada Khamis.

HARIAN METRO
Tarikh: 30 JUN 2025

# Nilai hartanah Putra Heights berpotensi pulih

BH 30/6

**Kuala Lumpur:** Nilai hartanah di Putra Heights berpotensi untuk meningkat semula sekiranya terdapat langkah pemulihan dan strategi pembangunan dijalankan oleh pihak berkaitan.

Pakar hartanah berpendapat sekiranya usaha pemulihan dilaksanakan dengan pantas, termasuk pembersihan kawasan, siasatan bebas, pembaikan infrastruktur dan jaminan keselamatan, nilai hartanah di Putra Heights berupaya menunjukkan tren pemulihan.

Pengarah Harta Tanah di Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Madya Dr Muhammad Najib Mohamed Razali, berkata kawasan itu mempunyai jaringan ke lebuh raya utama seperti Lebuhraya Shah Alam (KESAS) dan Lebuhraya ELITE, kemudahan pengangkutan awam serta struktur pembangunan kediaman dan komersial sedia ada turut berupaya menjadi pemangkin kepada proses pemulihan nilai hartanah.

"Sekiranya Putra Heights dapat bergerak dari fasa kemerosotan ke fasa pembaharuan melalui pelaburan semula dalam infrastruktur dan keselamatan, nilai hartanah boleh meningkat semula," katanya kepada *BH*, semalam.



*Muhammad Najib*

Tragedi di Putra Heights pada 1 April lalu menggemparkan negara apabila saluran gas milik PETRONAS meletup seterusnya menyaksikan api menjulang setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah 1,000 darjah Celsius sekaligus mengubah landskap kawasan itu kepada sebuah kawah besar pada kedalaman 32 kaki.

Kejadian yang berlaku pada hari kedua Aidilfitri itu turut memusnahkan deretan kediaman dan harta benda dalam lingkungan radius 500 meter dari kawasan kebakaran.

Lebih 200 rumah berdekatan kawasan kejadian dilaporkan mengalami kerosakan fizikal sementara ada daripadanya retak teruk sehingga tidak selamat untuk didiami.

Mengulas lanjut pemulihan kawasan kejadian, Muhammad Najib berkata, ini sudah dibuktikan dengan kes depot minyak Buncefield, United Kingdom pada 2005, nilai hartanah di Hemel Hempstead merosot secara signifikan, namun dengan pelan pemulihan bersepadu dan kedudukan strategik berhampiran London, pasaran hartanah kembali pulih dalam beberapa tahun.

"Sebaliknya, ada juga kejadian yang nilai hartanahnya tidak kembali pulih. Contohnya kejadian di pelabuhan Beirut (2020) yang menjejaskan sektor hartanah secara meluas, dengan faktor tambahan seperti ketidakstabilan politik dan kelemahan institusi pula menyebabkan penurunan nilai hartanah yang lebih berpanjangan," katanya.

Menurut laporan pasaran hartanah, sebelum kejadian, harga transaksi kediaman di Putra Heights bernilai antara RM800,000 hingga melebihi RM1 juta.

Sementara itu, Ketua Pengajian Pascasiswazah di Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Madya Sr Dr Rohayu Ab Majid, berkata pihak berkaitan perlu memainkan fungsi untuk meningkatkan tahap keyakinan penduduk di kawasan berkenaan.

"Jika usaha baik pulih dijalankan sewajarnya dan penduduk mula yakin dengan tahap keselamatan lebih terjamin pada masa ini, tidak mustahil nilai harta tanah di kawasan ini akan sejajar dengan pasaran semasa.

"Cuma tahap keyakinan penduduk setempat perlu diberi penekanan dengan pelbagai usaha mantap dalam memastikan isu keselamatan berada pada nilai yang positif," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh 30 JUN 2025

" Keenam-enam focus group itu dilaksanakan selepas pasukan petugas berkenaan mewujudkan Pelan Hala Tuju 10 Tahun CPI untuk mencapai kedudukan CPI di tangga 25 teratas menjelang 2033 "

*Saiful Ezral Arifin,*
*Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Governans Nasional, SPRM*



# Malaysia makin telus usaha tangani rasuah

BH 30/6

**Kuala Lumpur:** Langkah Malaysia untuk memperbaiki kedudukan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) ke tahap lebih baik pada tahun ini dilihat cerah berikutan beberapa kaji selidik antarabangsa mencapai tahap positif.

Melalui IMD World Competitiveness Ranking 2025, Malaysia berada di kedudukan ke-23 dalam kalangan 69 negara yang dinilai. Ini melonjak 11 anak tangga dari kedudukan ke-34 pada tahun 2024.

Selain itu, Laporan Asian Intelligence yang dikeluarkan oleh Political and Economic Risk Consultancy Ltd pada 2025, menyatakan Malaysia semakin telus dalam tindakan menangani rasuah.

Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Governans Nasional, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Saiful Ezral Arifin, berkata pencapaian itu membuktikan keyakinan pelabur terhadap sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan semakin meningkat.

"Sebagai contoh, laporan Asian Intelligence menunjukkan Malaysia bebas daripada 'petty corruption' berbanding Kemboja dan Filipina. Ia juga menunjukkan Malaysia dilaporkan semakin telus berhubung tindakannya dalam pembanterasan rasuah," katanya kepada *BH*.

Kedudukan CPI Malaysia ditentukan oleh sembilan tinjauan bebas, antaranya daripada World Bank, Bertelsmann Foundation, World Economic Forum, Economist Intelligence Unit, Freedom House, Political and Economic Risk Consultancy dan Varieties of Democracy.

Kajian itu membuat penilaian mengenai penyalahgunaan kuasa oleh pegawai awam; rasuah dalam sektor perundangan dan eksekutif; ketelusan dalam pentadbiran; dan keberkesanan sistem penguatkuasaan dan kehakiman membabitkan 180 negara dan wilayah di seluruh dunia.

BERITA HARIAN
Tarikh 30 JUN 2025

# 6 entiti kerajaan bertanggungjawab perbaiki kedudukan CPI negara

**Semua organisasi ketuai kumpulan fokus, menyelia tindakan berkait agenda Indeks Persepsi Rasuah**

BH
30/6

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sekurang-kurangnya enam agensi kerajaan, termasuk dua kementerian akan mengetuai usaha memastikan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia pada setiap tahun berada kedudukan membanggakan.

Keenam-enam entiti itu membabitkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri (JPM), dan Kementerian Kewangan (MOF).

Semua organisasi kerajaan ini akan diberikan fungsi penting untuk mengetuai enam kumpulan fokus bagi memperbaiki dan menyelia tindakan secara menyeluruh ke atas agenda berkaitan CPI negara.

Enam agenda itu ialah penguatkuasaan berkesan yang akan diketuai EAIC, daya saing perniagaan untuk mengurang kerenah birokrasi (MPC), meningkatkan pelaburan (MITI), mempercepat reformasi perundangan (BHEUU), memperkasa komunikasi strategik (ketua setiausaha negara) dan pengurusan dana awam yang berintegriti (MOF).

*BH* difahamkan, semua agenda dan fungsi organisasi kerajaan itu diputuskan dalam mesyuarat pertama Pasukan Petugas Khas CPI yang ditubuhkan Jemaah Menteri pada 8 Mei 2024, baru-baru ini.

Mengulas perkara itu, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Governans Nasional, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Saiful Ezral Arifin, berkata keenam-enam *focus group* itu dilaksanakan selepas pasukan petugas berkenaan mewujudkan Pelan Hala Tuju 10 Tahun CPI untuk mencapai kedudukan CPI di tangga 25 teratas menjelang 2033.

## Tingkat kerjasama

Justeru, katanya, pelan hala tuju itu memerlukan tindakan melalui pendekatan keseluruhan kerajaan untuk memastikan keseluruhan sektor awam mempunyai peranan dan pemahaman dalam agenda antirasuah peringkat nasional itu.

"Selain SPRM yang akan meneruskan agenda antirasuah, EAIC akan menerajui Focus Group Penguatkuasaan bagi menggalakkan kerjasama rentas agensi dalam menangani sebarang risiko persepsi rasuah melalui kerjasama teknikal dan strategik serta sokongan data di antara pelbagai pihak.

"Melalui Focus Group Pengurusan Dana Awam, ini akan menekankan beberapa langkah bagi menangani risiko penyelewengan dana awam, melalui Akta Kebertanggungjawaban Fiskal yang diperkenalk 2023 untuk memastikan ia diuruskan secara cekap, berhemat dan berintegriti serta tanpa ketirisan.

"Focus Group Daya Saing Perniagaan, yang diketuai MPC, akan memberi fokus terhadap langkah mengurangkan karenah birokrasi yang dilaksanakan untuk meningkatkan daya saing perniagaan. Ini akan membabitkan Akta Iltizam Kecekapan Kerajaan yang diperkenal oleh kerajaan pada tahun ini supaya kecekapan penyampaian perkhidmatan awam terus dipertingkat demi kepentingan rakyat," katanya kepada *BH*, di sini, semalam.

Mengenai Focus Group Perundangan pula, Saiful Ezral menjelaskan, BHEUU-JPM akan memberi tumpuan kepada beberapa reformasi perundangan.

"Antaranya, pindaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat yang dibentangkan di Parlimen, tahun ini. Ini diyakini akan memperkukuh perlindungan kepada pelapor selain menggalakkan lebih ramai tampil ke hadapan untuk melaporkan salah laku kepada agensi penguatkuasaan," katanya.

Bagi Focus Group Risiko Pelaburan, beliau berkata, MITI berfungsi penting untuk menyalurkan isu yang dibangkitkan oleh pelabur berhubung risiko rasuah dalam urusan pelaburan, iaitu input ini akan dapat membantu kerajaan menambah baik usaha dan dasar sedia ada.

"Selain itu, MITI juga berperanan penting dalam membantu meningkatkan promosi tadbir urus baik Malaysia kepada pelabur melalui rangkaian perwakilan Malaysia di seluruh dunia serta platform seperti Portal Invest Malaysia dan Invest Malaysia Facilitation Centre," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh 30 JUN 2025

# Peratus graduan bekerja bidang sama naik ketara

> Peratus graduan diploma dan ijazah bekerja dalam bidang yang sama dengan program ketika di IPT meningkat sehingga 61.3 peratus tahun lalu, berbanding 54.1 peratus pada 2020



*Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi*

## Pelaksanaan PPPM buahkan hasil dalam lima tahun ke belakang

BH 30/6

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

**Putrajaya:** Peratusan bagi graduan yang bekerja dalam bidang sama dengan program mereka ketika di institusi pengajian tinggi (IPT) meningkat ketara, hasil pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud, berkata peratus graduan diploma dan ijazah yang bekerja dalam bidang yang sama dengan program ketika di IPT meningkat sehingga 61.3 peratus tahun lalu, berbanding 54.1 peratus pada 2020.

Beliau berkata, peratus graduan ijazah pertama yang memperoleh pekerjaan dalam bidang sama pula ialah 62.8 peratus atau 70,043 orang, manakala bagi peringkat diploma pula ialah 58.2 peratus atau 32,225 orang.

"Ia menunjukkan usaha serta inisiatif direncanakan melalui PPPM membuahkan hasil dalam tempoh lima tahun ke belakang dengan trend peningkatan peratusan graduan bekerja dalam bidang sama.

"Ia sekali gus menunjukkan penurunan graduan yang bekerja di luar bidang pengajian mereka," katanya kepada *BH*, di sini.

Pada masa sama, Mustapha berkata, bagi graduan ijazah pertama, terdapat tiga bidang mencatat lebih daripada 70 peratus graduan memperoleh pekerjaan.

Beliau berkata, kadar tertinggi membabitkan graduan teknologi maklumat dan komunikasi dengan 76.9 peratus atau 7,843 graduan; kesihatan dan kebajikan (75.8 peratus atau 4,553 graduan).

Katanya, ketiga ialah kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan dengan 70.8 peratus atau 15,355 graduan.

"Sementara bagi graduan diploma, tiga bidang merekodkan peratusan melebihi 60 peratus, iaitu bidang kesihatan dan kebajikan dengan 83.6 peratus atau 3,049 graduan.

"Pendidikan membabitkan 64.1 peratus atau 2,235 graduan dan perkhidmatan, iaitu 60.0 peratus atau 3,113 graduan," katanya.

Sebelum ini, *BH* melaporkan Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan (EU-ERA), THE FUTURE, mendedahkan sebanyak 78.7 peratus graduan di negara ini tidak bersedia sepenuhnya untuk memasuki alam pekerjaan selepas tamat pengajian masing-masing.

Malah dapatan hasil kajian 'Job Market Monitor' itu juga mendedahkan daripada 52.8 peratus graduan yang terpaksa bekerja di bawah kelayakan akademik mereka selepas menamatkan pengajian, lebih separuh kekal di situ sebagai kerjaya tetap, sekali gus menunjukkan mereka terperangkap tanpa peningkatan kerjaya kerana sudah berasa selesa.

### Situasi lebih baik

Pada masa sama, Mustapha berkata, pihaknya mengakui keadaan seperti banyak berlaku sebelum ini kerana pendekatan universiti yang kurang dipacu oleh industri.

"Sebelum ini, kita lihat mereka hanya belajar dan selepas itu tiada yang pantau ke mana mereka pergi. Namun, situasi itu dilihat lebih baik kini melalui pelaksanaan pelan yang kita lancarkan sebelum ini.

"Melalui PPPM, kita lihat isu terbabit dan selepas 10 tahun, ia ternyata membuahkan hasil. Kini, kita menyediakan pula PPPM Malaysia bagi 2025 hingga 2035.

"Kita mahu isu seperti ini tidak berulang lagi. Namun, usaha untuk meningkatkan bilangan graduan yang bekerja dalam bidang dengan gaji yang setara dengan kelayakan pendidikan tidak hanya bersandarkan kepada usaha pembangunan bakat," katanya.

Mustapha berkata, dapatan kajian *Khazanah Research Institute Malaysia (2024): Shifting Tides: Charting Career Progression Of Malaysia's Skilled Talents* menyatakan jumlah kekosongan jawatan menurun daripada 235,000 pada 2015 kepada 175,000 pada 2020.

Beliau berkata, jumlah itu meningkat semula kepada 190,000 pada 2022, dengan pecahan sebanyak 25.3 peratus pekerjaan berkemahiran tinggi, 55 peratus berkemahiran sederhana dan 19.7 peratus berkemahiran rendah.

"Walaupun kadar penyertaan tenaga buruh berada sekitar 70 peratus dan kadar pengangguran mencatat 3.5 peratus pada 2023, peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kekal pada sekitar 25 peratus daripada jumlah keseluruhan kekosongan jawatan antara 2015 hingga 2022.

"Jumlah individu berpendidikan tinggi (graduan) dalam tenaga kerja meningkat daripada empat juta pada 2015 kepada 5.2 juta pada 2022.

"Namun, bilangan pekerjaan berkemahiran tinggi hanya meningkat sedikit, iaitu daripada dua juta kepada 2.2 juta dalam tempoh sama," katanya.

Beliau berkata, ini menunjukkan pertumbuhan perlahan dalam penyediaan pekerjaan untuk graduan dan tenaga kerja berpendidikan tinggi, iaitu ramai graduan daripada tiga juta, masih bergelut untuk mendapatkan pekerjaan yang sepadan dengan kelayakan dan kemahiran mereka.

Katanya, ini menunjukkan industri tidak mampu mencipta peluang pekerjaan yang mencukupi bagi menampung jumlah pelajar yang dihasilkan.

BERITA HARIAN
Tarikh 30 JUN 2025

# Adakah Malaysia masih mampu bersaing dengan negara lain?

ABU SUFIAN ABU BAKAR

MALAYSIA melonjak sebanyak 11 kedudukan daripada tempat ke-34 pada 2024 kepada kedudukan ke-23 daripada 69 negara yang dinilai dalam Buku Tahunan Daya Saing Dunia 2025. Peningkatan ini bukan sahaja menunjukkan kemajuan yang ketara, malah meletakkan Malaysia dalam kedudukan yang respektif di peringkat serantau dan global. Dalam konteks Asia-Pasifik yang terdiri daripada 14 negara, Malaysia berada di kedudukan ke-6, manakala dalam kategori negara berpenduduk melebihi 20 juta yang merangkumi 32 negara, Malaysia menduduki tempat ke-8.

Prestasi ini membuktikan reformasi dan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini mula membuahkan hasil yang positif. Namun, analisis yang lebih mendalam mendedahkan bahawa pencapaian ini adalah hasil daripada prestasi cemerlang dalam beberapa bidang tertentu, manakala masih terdapat ruang yang besar untuk penambahbaikan dalam aspek-aspek kritikal yang lain.

**PRESTASI EKONOMI (KEDUDUKAN 4)**

Prestasi ekonomi merupakan tulang belakang kejayaan dalam penarafan daya saing global kali ini. Kedudukan ke-4 daripada 69 negara dalam faktor prestasi ekonomi ini adalah pencapaian yang luar biasa dan mencerminkan kekuatan asas ekonomi negara yang kukuh. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.1 peratus pada 2024 meletakkan Malaysia di kedudukan ke-4 global, menjadikannya antara ekonomi yang paling pesat berkembang di dunia.

Kestabilan ekonomi turut tercermin melalui kadar pengangguran yang rendah iaitu 3.30 peratus, yang menempatkan negara di kedudukan ke-13 global. Kadar ini menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia berjaya mewujudkan peluang pekerjaan yang mencukupi untuk rakyatnya, sekaligus mencerminkan dinamisme pasaran buruh tempatan. Kadar inflasi yang terkawal pada paras 1.83 peratus (kedudukan 18 global) menunjukkan keupayaan kerajaan menguruskan tekanan harga dengan berkesan, memberikan kestabilan kos sara hidup kepada rakyat.

Paling membanggakan, kedudukan nombor satu global Malaysia dalam sub-faktor "Harga", menunjukkan kelebihan kos yang sangat signifikan berbanding negara-negara lain. Kelebihan ini menjadikan Malaysia sebagai destinasi yang amat menarik untuk pelaburan, terutama dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan yang sensitif kepada kos. Walau bagaimanapun, analisis yang lebih kritikal mendedahkan bahawa walaupun prestasi ekonomi secara keseluruhan cemerlang, KDNK per kapita berdasarkan Pariti Kuasa Beli (PPP) Malaysia sebanyak A$$40,384 masih menempatkan negara di kedudukan ke-48. Angka ini menunjukkan bahawa walaupun ekonomi berkembang pesat, tahap pendapatan per kapita masih ketinggalan berbanding negara-negara maju, menandakan keperluan untuk beralih kepada aktiviti ekonomi yang bernilai tambah tinggi.

**KECEKAPAN KERAJAAN MASIH MEMERLUKAN REFORMASI (KEDUDUKAN 25)**

Kecekapan kerajaan merupakan bidang yang menunjukkan pembaikan yang paling ketara, dengan kedudukan Malaysia meningkat daripada tempat ke-33 pada 2024 kepada kedudukan ke-25 pada 2025. Dalam aspek dasar cukai, Malaysia mencatat prestasi yang baik dengan kedudukan ke-11, menunjukkan sistem cukai yang kompetitif dan mesra perniagaan, menjadi salah satu faktor tarikan bagi pelabur asing dan membantu merangsang aktiviti ekonomi.

Pengurusan kewangan awam juga menunjukkan tanda-tanda pembaikan dengan kedudukan yang lebih baik dalam sub-faktor kewangan awam. Ini mencerminkan usaha kerajaan dalam mengurus fiskal negara dengan lebih berdisiplin dan telus. Namun, masih terdapat ruang yang besar untuk penambahbaikan terutama dalam aspek perundangan perniagaan, di mana Malaysia berada di kedudukan ke-46. Kedudukan yang rendah ini menunjukkan bahawa persekitaran perundangan untuk menjalankan perniagaan masih tidak cukup kondusif dan memerlukan reformasi yang komprehensif.

Rangka kerja institusi yang berada di kedudukan ke-20 juga menunjukkan bahawa struktur institusi kerajaan masih boleh diperkukuhkan lagi. Isu birokrasi yang berlarutan masih menjadi halangan kepada kecekapan, walaupun terdapat peningkatan dalam beberapa aspek. Kelemahan dalam aspek-aspek ini boleh menjejaskan keyakinan pelabur dan menghalang Malaysia daripada mencapai potensi penuh dalam menarik pelaburan asing serta memudahkan urusan perniagaan.

**KECEKAPAN PERNIAGAAN MEMERLUKAN PERHATIAN SEGERA (KEDUDUKAN 32)**

Kecekapan perniagaan merupakan bidang yang paling mencabar bagi Malaysia dengan kedudukan di tempat ke-32, yang menunjukkan ruang pembaikan yang sangat besar. Kedudukan ini mencerminkan cabaran struktural yang mendalam dalam ekonomi Malaysia yang masih terlalu bergantung kepada input berbanding inovasi dan produktiviti. Sub-faktor produktiviti dan kecekapan yang berada di kedudukan ke-34 merupakan isu teras yang memerlukan perhatian segera kerana ia berkaitan secara langsung dengan keupayaan ekonomi untuk bergerak naik dalam rantai nilai global.

Pasaran buruh yang berada di kedudukan ke-23 menunjukkan bahawa walaupun terdapat kemajuan dalam aspek pekerjaan, masih terdapat cabaran dalam membangunkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan sesuai dengan keperluan ekonomi moden. Sektor kewangan di kedudukan ke-26 dan amalan pengurusan di kedudukan ke-42 turut menunjukkan kelemahan dalam aspek-aspek yang kritikal untuk daya saing perniagaan. Amalan pengurusan yang lemah khususnya memberi kesan negatif kepada keupayaan syarikat-syarikat Malaysia untuk bersaing di peringkat global.

**INFRASTRUKTUR DENGAN PRESTASI BERCAMPUR (KEDUDUKAN 35)**

Infrastruktur Malaysia menunjukkan prestasi yang bercampur-campur dengan kekuatan dalam aspek tertentu tetapi kelemahan yang serius dalam bidang-bidang kritikal yang lain. Infrastruktur asas yang kukuh dengan kedudukan ke-13 menunjukkan Malaysia mempunyai asas fizikal yang baik untuk menyokong aktiviti ekonomi. Infrastruktur teknologi yang berada di kedudukan ke-25 juga menunjukkan kemajuan yang munasabah dalam aspek komunikasi dan teknologi maklumat, walaupun masih terdapat ruang untuk penambahbaikan.

Namun, kelemahan yang paling serius terdapat dalam infrastruktur saintifik yang berada di kedudukan ke-35. Kedudukan ini mencerminkan kekurangan dalam ekosistem penyelidikan dan pembangunan yang diperlukan untuk mendorong inovasi dan membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan. Infrastruktur saintifik yang lemah ini akan menjejaskan keupayaan Malaysia untuk menghasilkan inovasi tempatan dan menarik syarikat-syarikat berteknologi tinggi untuk melabur di negara ini.

Lebih membimbangkan ialah kedudukan yang sangat lemah dalam aspek kesihatan dan alam sekitar di kedudukan ke-50. Kedudukan ini menunjukkan bahawa Malaysia menghadapi cabaran serius dalam menguruskan isu-isu alam sekitar dan menyediakan infrastruktur kesihatan yang berkualiti tinggi. Dalam era kelestarian alam sekitar menjadi faktor penting dalam keputusan pelaburan, kelemahan ini boleh menjejaskan daya saing jangka panjang Malaysia.

Sektor pendidikan yang berada di kedudukan ke-44 turut menunjukkan kelemahan yang serius dalam membangunkan modal insan. Pendidikan yang lemah akan menjejaskan keupayaan Malaysia untuk menghasilkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan seterusnya mempengaruhi daya saing ekonomi secara keseluruhan.



MALAYSIA mencatatkan prestasi cemerlang dalam beberapa bidang tertentu, namun masih terdapat ruang yang besar untuk penambahbaikan dalam aspek-aspek kritikal yang lain.

DR. Abu Sufian Abu Bakar ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ekonomi, Wang dan Bank, Universiti Utara Malaysia.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 30 JUN 2025

# Kerani didakwa songlap RM114,630

um 30/6

**KOTA BHARU:** Bekas kerani syarikat bas didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 10 pertuduhan melakukan pecah amanah dengan tidak menyerahkan wang jualan tiket sebanyak lebih RM114,630, 10 tahun lalu.

Bibi Kasiran Mohamad, 50, yang kini bekerja sebagai pembantu kedai menjual kuih bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan itu dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Abllah.

Mengikut kesemua pertuduhan, tertuduh yang ketika itu merupakan kerani jualan tiket bas didakwa melakukan pecah amanah dengan tidak menyerahkan wang berjumlah keseluruhan RM114,630.80 kepada syarikat di kaunter tiket di Terminal Bas Kota Bharu, Lembah Sireh ,di sini antara Januari sehingga Oktober 2015.

Dia didakwa mengikut Seksyen 408 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang setahun dan tidak lebih daripada 14 tahun, sebatan dan denda jika disabit kesalahan.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 30 JUN 2025

# Inflasi: Peluasan SST, tarif elektrik beri kesan minimum

**PETALING JAYA:** Transformasi besar dalam struktur fiskal negara menerusi pelaksanaan peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) serta kadar tarif elektrik baharu bermula esok dijangka memberi kesan minimum terhadap inflasi secara keseluruhan.

Pakar Ekonomi Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (MUST), Prof. Emeritus Dr. Barjoyai Bardai berkata, langkah itu dilihat sebagai strategi kerajaan untuk menambah hasil negara secara berhemah tanpa membebankan pengguna, khususnya dalam kalangan isi rumah dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Menurutnya, peluasan SST dilaksanakan secara bersasar dan berperingkat dengan pengecualian ke atas perkhidmatan asas, sekali gus menghadkan impak kepada harga barangan keperluan harian.




"SST ini tidak menyeluruh kepada semua sektor dan tidak menyasarkan barangan asas pengguna. Ia lebih terarah kepada barangan tidak perlu seperti produk mewah, hiburan dan gaya hidup.

"Impak terhadap inflasi dijangka hanya sekitar 0.1 hingga 0.2 peratus kepada Indeks Harga Pengguna (CPI)," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Kementerian Kewangan sebelum ini memaklumkan bahawa kerajaan akan melaksanakan semakan semula kadar Cukai Jualan serta perluasan skop Cukai Perkhidmatan secara bersasar bermula 1 Julai ini selaras dengan pengumuman Belanjawan 2025 pada Oktober tahun lalu.

Barjoyai berkata, pelaksanaan SST yang bersifat terpilih turut membantu melindungi perbelanjaan harian isi rumah daripada terjejas secara mendadak selain mengelakkan penurunan mendadak dalam permintaan domestik.

Beliau menyambut baik pendekatan kerajaan yang memfokuskan pelaksanaan SST kepada sektor yang tidak kritikal kepada kos sara hidup rakyat.

Katanya langkah itu bukan sahaja memperkukuh kedudukan fiskal negara malah membuka ruang untuk kerajaan menyediakan lebih banyak bantuan bersasar kepada golongan berpendapatan rendah.

"Kemampuan kerajaan untuk mengagihkan semula hasil ini kepada subsidi dan bantuan akan mewujudkan ekosistem ekonomi yang lebih stabil dan mampan dalam jangka panjang," katanya.

Langkah reformasi fiskal ini katanya, dilihat sebagai satu permulaan penting dalam menyusun semula struktur pendapatan negara ke arah yang lebih adil dan lestari.


UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 30 JUN 2025